



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

MAJLIS PERASMIAN
HARI VETERINAR SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 2022

OLEH

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

3-5 Jun 2022

Laman Ternakan MAEPS, Serdang, Selangor

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya, kita semua dapat berhimpun di Laman Ternak MAEPS bagi menyempurnakan Sambutan Hari Veterinar Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 yang amat bermakna ini.
2. Veterinar, merupakan satu profesion yang sangat penting. Jika kita sebagai manusia memerlukan rawatan doktor ketika sakit, haiwan juga tidak terkecuali. Haiwan juga memerlukan rawatan daripada doktor haiwan, semasa mereka berada dalam keadaan yang memerlukan bantuan kesihatan.
3. Kerjaya sebagai doktor veterinar ini mencabar. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab merawat haiwan kesayangan seperti kucing, anjing atau burung, tetapi turut menjalankan prosedur ke atas haiwan-haiwan liar yang lain termasuklah ular, harimau dan sebagainya. Pendek kata, kerjaya ini mencakupi pelbagai spesis di

darat, di laut dan di udara yang mempunyai anatomi dan fisiologi yang berbeza.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Cabaran dalam perkhidmatan veterinar khususnya ancaman penyakit terhadap haiwan ternakan kian membesar. Ini dapat dilihat pada contoh kejadian Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) yang menyerang ternakan ruminan dan babi masih berlaku meskipun pelbagai usaha kawalan dan pencegahan telah dilaksanakan.
5. Begitu juga dengan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) yang sudah semestinya memberi impak negatif yang ketara kepada industri dan produk ternakan sekaligus menutup peluang eksport sekiranya masalah ini tidak dibanteras dengan kadar segera.
6. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan sentiasa memastikan kejadian penyakit pada ternakan dalam negara supaya sentiasa terkawal. Namun, usaha untuk membanteras penyakit-penyakit ini sudah tentu memerlukan kerjasama yang padu daripada semua pihak terutamanya pemain industri ternakan dan agensi

penguatkuasaan bagi memastikan tiada kemasukan penyakit ternakan dari luar.

Hadirin sekalian,

7. Veterinar juga bertanggungjawab memastikan bekalan makanan daripada hasil haiwan di negara kita sentiasa mencukupi.

7. Dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran susu dan daging tempatan, pelbagai strategi telah dijalankan oleh kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Antaranya meningkatkan produktiviti populasi lembu dalam negara secara berterusan melalui kaedah pembiakbakaan secara terancang dan sistematik.

8. Melalui RMKe-12 Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM9 juta bagi meningkatkan program pembiakbakaan dan peningkatan kualiti genetik ternakan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM3 juta untuk pembelian lembu baka pejantan berkualiti meliputi baka Charolais, Limousine, Belgian Blue, Wagyu dan Holstein Fresian. RM2 juta untuk membaiki kandang, dan masing-masing RM1 juta untuk jentera serta peralatan ladang dan penyelidikan serta pemindahan teknologi penternakan.

9. Diharapkan melalui penghasilan baka lembu yang mempunyai produktiviti yang lebih tinggi ini mampu membantu meningkatkan pendapatan para penternak.
10. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai sasaran 50 peratus tahap sara diri (SSL) bagi pengeluaran daging dan 100 peratus SSL untuk susu segar menjelang 2030.

Hadirin sekalian,

11. Dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran dan memperkukuhkan industri ruminan negara, Kerajaan juga telah bersetuju mewujudkan Lembaga Ruminan Negara selaras dengan hala tuju MAFI dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0 2021 hingga 2030) yang berperanan memastikan industri ruminan yang berdaya saing serta mampu menampung permintaan bekalan daging, susu dan produk tenusu dalam negara.
12. Inilah antara peranan penting ahli veterinar dalam memastikan jaminan bekalan makanan di dalam negara mencukupi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Akhir sekali sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua para ahli veterinar telah mengembleng tenaga dan berkorban masa dalam mengasihi, menyayangi dan memberi rawatan kepada haiwan tanpa sebarang diskriminasi.
14. Haiwan-haiwan yang dirawat sudah pasti akan berterima kasih kepada anda walaupun mereka tidak boleh berkata-kata. Sesungguhnya menolong dan memelihara haiwan merupakan satu sifat yang mulia.
15. Terima kasih juga saya ucapkan kepada anda semua kerana sentiasa bertungkus lumus memastikan jaminan kelangsungan sekuriti makanan negara serta memastikan tahap keselamatan dan kualiti makanan yang optimum.
16. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa penganjur dan pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan sambutan ini.

17. Maka, dengan **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim**, sukacitanya saya merasmikan **SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2022**.

18. Sekian, saya sudahi dengan Walbillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatu.

Terima kasih